



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49

30hb Mac 2006

No. 7

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 15.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12hb April 2006 pada 10.30 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM45,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM54,664.01. Nama pemegang gadaian—Southern Bank Berhad.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

26

[30hb Mac 2006]

---

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM4,500.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Lima Ratus Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang tercatat dalam perenggan (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan dipegang sebagai deposit sehingga jumlah penuh harga belian dibayar; dan
  - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, jumlah yang dinyatakan dalam perenggan kecil (i) akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 9hb Ogos 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Titi Tinggi. No. Lot/Petak/P.T.—PT 990. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 568. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 2899/1999 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 23 Januari 2006  
[PTG(Ps.)(R) 1/80 F 1293(31)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Perlis*

**No. 16.**

Saya, Mhd. Noor bin L. Daud, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 10hb Mei 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM62,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Puluh Dua Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM48,131.50. Nama pemegang gadaian—Bumiputra-Commerce Bank Bhd.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM6,200.00 (Ringgit Malaysia Enam Ribu Dua Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang tercatat dalam perenggan (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan dipegang sebagai deposit sehingga jumlah penuh harga belian dibayar; dan
    - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, jumlah yang dinyatakan dalam perenggan kecil (i) akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 6hb September 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

28

[30hb Mac 2006]

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sena. No. Lot/Petak/P.T.—PT 1756. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1983. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1845/1995 Jilid 6 Folio 24 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 27 Februari 2005  
[PTG(Ps.)(R) 1/80 F 1416(14)]

MHD. NOOR BIN L. DAUD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA